

12/08/2002

UPSI mohon RM1.7b biaya kampus baru

UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memohon peruntukan kira-kira RM1.745 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk membiayai kos pembangunan kampus barunya, iaitu Kampus Sultan Azlan Shah, di Behrang Ulu, Perak.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, berkata projek pembangunan kampus baru itu membabitkan tapak cadangan seluas 800 ekar yang terletak lima kilometer utara dari Tanjung Malim. Selain itu, kampus UPSI akan mempunyai tapak rezab seluas 200 ekar pada masa depan.

Beliau berkata, kerja tanah untuk kampus berkenaan sedang dijalankan, termasuk majlis pecah tanah yang disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, 22 April lalu, manakala kerja pembangunan pula dijangka dilaksanakan pada bulan ini. Fasa satu dijadualkan siap sepenuhnya pada Disember 2004.

Dalam konteks ini, beliau berkata, pembangunan fasa satu Kampus Sultan Azlan Shah sudah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), sementara keseluruhan kampus baru itu dijadualkan siap sepenuhnya pada 2007.

Katanya, antara ciri istimewa kampus itu ialah kewujudan Rumah Universiti, Bukit Universiti, tasik dan kawasan pesisiran sungai, Bangunan Pentadbiran, pintu gerbang utama, perpustakaan, pasca siswazah, masjid dan Pusat Islam, Pusat Pelajar dan stadium tertutup.

Bukan itu saja, beliau berkata, laluan masuk utama Kampus Sultan Azlan Shah adalah mengadap Bangunan Pentadbiran yang secara simboliknya mengekalkan nostalgia Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

Selain itu, katanya, kampus berkenaan turut dilengkapi pusat penyenggaraan, stor pusat dan garaj, Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia, Pusat Komputer, Dewan Besar serta Panggung Percubaan.

Secara umum, katanya, Pelan Induk Kampus Sultan Azlan Shah turut merangkumi Kompleks Fakulti, Dataran Istiadat dan Pentadbiran seluas 13.5 ekar, Kompleks Sukan dengan kapasiti 2,000 orang, asrama pelajar, rumah kakitangan dan Dewan Besar.

"Kampus Sultan Azlan Shah menempatkan enam fakulti, iaitu Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Sains Sukan, serta Fakulti Sains Sosial.

"Berkaitan jadual pelaksanaan pembangunan kampus itu pula, unjuran pengambilan pelajar apabila fasa satu siap pada 2004 ialah 6,176 penuntut, termasuk 1,176 peringkat pasca siswazah, dan apabila fasa dua siap pada 2007, unjuran pengambilan pelajar ialah seramai 14,824 orang dengan 2,824 daripadanya peringkat pasca siswazah.

"Ini menjadikan jadual unjuran pengambilan pelajar apabila keseluruhan kampus baru itu siap pada 2007 membabitkan sejumlah 21,000 pelajar, termasuk seramai 4,000 penuntut peringkat pasca siswazah," katanya kepada Berita Harian .

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas acara lawatan dan sesi dialog Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersama pelajar dan kakitangan UPSI, Sabtu lalu.

Dr Mohammad Noor menjelaskan, perkara berkenaan adalah sebahagian daripada maklumat disampaikan oleh beliau dalam sesi taklimat mengenai sejarah dan perkembangan UPSI kepada Dr Mahathir pada hari itu.

Beliau berkata, UPSI memperkenalkan Konsep Bersepadu untuk Kampus Sultan Azlan Shah dengan menampilkan 'Pedestrianised Campus' yang hanya

membabitkan tempoh perjalanan antara 10 hingga 15 minit.

Katanya, konsep lain kampus itu ialah penyepaduan prasarana teknologi maklumat terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengekalan 200 ekar rimba botani, 'Laluan Akademik' sepanjang dua kilometer yang menghubungkan seluruh kemudahan akademik, serta dataran fakulti.

Sementara itu, beliau berkata, UPSI sudah membelanjakan kira-kira RM36.85 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) untuk membiayai projek pembangunan kampusnya yang sedia ada di Tanjung Malim, iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Semenjak UPSI ditubuhkan pada 1997, katanya, kampus sedia ada itu dinaikkan taraf untuk memberi kemudahan serta infrastruktur pengajaran dan pembelajaran supaya setaraf sebagai sebuah universiti.

Katanya, antara pembangunan kampus sedia ada seluas 81.139 ekar itu ialah pembinaan Bangunan Canselor dengan kos keseluruhan projek kira-kira RM12.32 juta yang dirasmikan pada 30 Jun tahun lalu.

Beliau berkata, bangunan itu menempatkan bilik Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pejabat Pendaftar dan pentadbiran, pejabat Bendahari, bilik mesyuarat utama dan pejabat am fakulti, di samping terdapat 12 bilik kuliah serta 103 bilik pensyarah.

Seterusnya, beliau berkata, pembangunan lain ialah projek pembinaan auditorium yang boleh menampung sehingga 1,200 orang pada kos kira-kira RM4.6 juta dan bangunan gimnasium (RM3.9 juta).

"Di samping itu, UPSI juga melaksanakan projek pembinaan Kompleks Pendidikan Muzik yang mengandungi auditorium yang mampu memuatkan 600 orang, studio muzik, bilik pensyarah, pejabat dan makmal.

"Bangunan tiga tingkat ini dapat menempatkan semua kemudahan dan peralatan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran seni muzik, lakonan serta seni tari. Kos projek ini ialah kira-kira RM14.99 juta.

"Pembinaan bangunan perpustakaan setinggi lima tingkat pula bertujuan menyediakan maklumat, bahan dan kemudahan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan universiti.

"Bangunan berkenaan dijangka menjadi sebuah pusat rujukan penting. Perpustakaan ini bernilai kira-kira RM15.79 juta.

"Tahun ini adalah ulang tahun ke-80 Sultan Idris Training College (SITC)-UPSI. Pembangunan sedia ada dan juga akan datang membuktikan komitmen kerajaan terhadap pendidikan, terutama pendidikan guru dan sebagai mengenang jasa guru Melayu dalam arena pendidikan, bahasa serta politik tanah air," katanya.